

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah warga asing berdokumen dan tidak berdokumen serta pendatang asing tanpa izin yang telah menerima vaksin COVID-19. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kebanyakan mereka menerima vaksin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mensasarkan sebanyak 80% daripada populasi dewasa negara divaksinasi, yang turut melibatkan populasi bukan warganegara. Sehingga 25 Oktober 2021, sebanyak 94.7% daripada populasi dewasa telah selesai divaksinasi.

2. Bagi pelaksanaan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), MOSTI menerusi COVID-19 *Immunisation Task Force* (CITF) telah mengeluarkan Garis Panduan Vaksinasi terhadap Bukan Warganegara. Pada masa ini, pelaksanaan vaksinasi bagi bukan warganegara yang berdaftar dalam sistem MySejahtera masih melalui penetapan temu janji namun sebagai usaha *mopping up* baki penerima yang masih belum mendapat vaksinasi, program *walk-in* termasuk di kalangan bukan warganegara yang tidak berdokumen telah dilaksanakan di kebanyakan negeri di seluruh Malaysia.

3. Berdasarkan kepada statistik pemberian vaksin COVID-19 kepada bukan warganegara, seramai 3.01 juta orang dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala 2.34 juta orang dewasa telah menerima lengkap dos hingga 17 Oktober 2021. Program vaksinasi dalam kalangan bukan warganegara masih diteruskan pada masa ini.

Sekian, terima kasih.